

13 FEB 2001

Cina-Muhibbah

KAUM CINA USAH TERPENGARUH DAKYAH PEMBANGKANG PECAH BELAH SEMANGAT MUHIBBAH

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Kaum Cina di negara ini diminta supaya tidak terpengaruh dengan dakyah pembangkang yang cuba memecah belahkan ikatan mesra dan semangat muhibbah di kalangan masyarakat Cina dalam pelbagai parti dan orang Melayu dalam Umno yang sudah wujud sekian lama.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Taib berkata ikatan kukuh antara orang Melayu dan Cina telah wujud lama dan turut dipraktikkan dalam usaha mencapai kemerdekaan sehingga kepada pentadbiran negara sekarang.

Beliau berkata Ummolah yang berjuang untuk semua kaum termasuk kaum Cina semasa menuntut kemerdekaan dan memberikan layanan mesra kepada mereka dalam pembangunan negara.

Ini, katanya, jelas menerusi kerjasama yang wujud dalam komponen pelbagai parti yang terdiri daripada berbilang kaum dalam Barisan Nasional (BN).

"Bagi Umno, kaum Cina terutamanya dalam parti-parti komponen BN adalah sebagai sebahagian daripada mereka (Umno) iaitu ibarat suami dan isteri. Jika berlaku sebarang masalah atau pertikaian, ia pasti diselesaikan dengan segera dan penuh semangat persaudaraan," katanya dalam temubual yang dipetik daripada Umno-Online, laman Internet ibu pejabat parti.

Beliau berkata adalah tidak wajar untuk kaum Cina mudah terpengaruh dengan dakyah jahat dan berprasangka terhadap Umno kerana mereka sepatutnya lebih memahami pendirian Umno yang banyak berjuang untuk mereka serta mengutamakan keharmonian semua kaum.

Katanya pertemuan Perpaduan Melayu antara Umno dan PAS juga bukan bertujuan menyisihkan kaum lain, khususnya kaum Cina, sebaliknya ia bermatlamat untuk mengeratkan lagi hubungan di kalangan orang Melayu supaya sebarang usaha pembangunan dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa mengetepikan kaum lain.

"Perpaduan orang Melayu besar maknanya kerana ia akan memastikan keadaan negara yang lebih kukuh dan stabil daripada aspek politik, sosial dan ekonomi. Hasil daripada pencapaian usaha itu sudah tentu turut menguntungkan kaum Cina yang mahukan pembangunan ekonomi dan keamanan yang seiring.

"Kerana itulah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan pertemuan perpaduan Melayu diadakan terlebih dahulu kerana agenda Melayu amat penting dalam kemantapan negara sekarang dan jangka panjang," katanya.

Muhammad berkata selepas perpaduan orang Melayu wujud, secara automatiknya perpaduan nasional melibatkan semua kaum akan terlaksana dan mudah dibentuk.

Beliau berpendapat adalah tidak bijak bagi ekstrimis Cina cuba mengeksploitasi keadaan dengan menimbulkan pelbagai reaksi berunsur perkauman kebelakangan ini. Perbuatan seperti itu hanya boleh mengundang ketidakstabilan dan ketegangan kaum.

Beliau meminta semua kaum meneruskan hubungan mesra dengan mengutamakan agenda yang lebih besar iaitu pembangunan negara agar generasi akan datang terus dapat menikmati kemakmuran.

"Kaum Melayu dan kaum Cina juga hendaklah meneruskan amalan perkongsian pintar terutama dalam bidang perniagaan dan pendidikan tanpa sebarang prejudis," katanya.

-- BERNAMA

ZAI DC LAT

